



Institut Maritim Malaysia / *Maritime Institute of Malaysia (MIMA)* adalah sebuah institut penyelidikan dasar bebas yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan penyelidikan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan maritim Malaysia dan juga untuk menjadi pusat tumpuan utama kebangsaan untuk hal ehwal maritim. MIMA sedang mencari calon dengan kualiti kepimpinan tinggi serta pengalaman yang mendalam di dalam bidang pengurusan, dasar awam, penyelidikan, perancangan dan pembangunan untuk mengisi kedudukan:

**KETUA PENGARAH INSTITUT MARITIM MALAYSIA /
*MARITIME INSTITUTE OF MALAYSIA (MIMA)***

KEPERLUAN

- Kelayakan akademik minimum Ijazah Sarjana dalam Hubungan Antarabangsa / Keselamatan Maritim / Ekonomi Maritim / Undang-undang Maritim / Sains Marin atau disiplin maritim yang lain.
- Pengetahuan mengenai Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut (UNCLOS) 1982 adalah satu keperluan.
- Pengalaman minimum 15 tahun pada peringkat kanan dalam penyelidikan dasar berkaitan perkara maritim.

- Kepimpinan yang kuat, kemahiran interpersonal, organisasi dan komunikasi yang baik.
- Kemahiran menulis Bahasa Inggeris yang baik dan kemahiran lisan Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia yang baik.
- Mempunyai rekod baik di dalam menulis dan menerbitkan kertas dan penemuan penyelidikan, dan pandangan, di dalam jurnal maritim bereputasi.
- Warganegara Malaysia.

TANGGUNGJAWAB KERJA

Calon akan bertanggungjawab kepada berikut:

- Memimpin secara menyeluruh Institut dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah prestasi Institut bergantung kepada matlamat, objektif dan program yang dipersetujui.
- Menyelia kesemua projek penyelidikan seperti yang diarahkan Kerajaan Malaysia, dan pertubuhan antarabangsa dan mana-mana pihak berkepentingan.
- Membangunkan dan memasarkan perkhidmatan perundingan bagi menjana pendapatan tambahan Institut.
- Memberikan input dasar, nasihat strategik, pandangan dan cadangan kepada Kerajaan Malaysia mengenai isu-isu maritim.
- Memupuk dan mengekalkan hubungan baik dengan kesemua agensi kerajaan, pertubuhan antarabangsa dan penggiat industri yang relevan serta mana-mana pihak lain yang berkenaan bagi mengukuhkan keberkesanan Institut.

- Memupuk dan menaikkan profail Institut sebagai kumpulan pemikir ulung bagi isu-isu maritim di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.
- Memastikan pengurusan pentadbiran, belanjawan dan kewangan yang efektif dan berhemah.

.....

Pakej imbuhan yang menarik dan sepadan dengan kelayakan dan pengalaman akan dipertimbangkan bagi calon. Permohonan dengan biodata terperinci, gaji semasa dan yang dipohon dan gambar terkini (tidak dikembalikan), mesti dikemukakan tidak lewat dari **22 Mac 2018 (KHAMIS)** kepada:

Pengarah Pentadbiran dan Kewangan
Institut Maritim Malaysia / *Maritime Institute of Malaysia* (MIMA)
Unit B-6-8, Megan Avenue II, No. 12, Jalan Yap Kwan Seng,
50450, Kuala Lumpur

Emel: ahmfajar@mima.gov.my

Hanya calon yang disenarai pendek akan dihubungi